

Ucuptama

*Menyemai Bahasa Menuai Budi.
Membentuk Generasi Pengguna Bahasa yang Aktif
dan Cekap serta Kukuh Jati Diri*

Datuk Zainal Abidin Borhan

Ketua Eksekutif dan Ketua Editor
Yayasan Warisan, Malaysia
zainalabidinborhan@gmail.com

Abstrak

Kertas kerja ini akan bermula dengan usaha untuk merungkai metafora 'menyemai bahasa menuai budi'. Pembangunan Bahasa Melayu (BM) di Singapura semenjak 1963 tidak dapat dipisahkan dengan pembangunan BM di Malaysia dan juga negara serantau yang lain. Secara khusus pembangunan BM di Singapura masa kini tidak dipisahkan dari pelbagai dasar sosial pemerintah Singapura. Maka terdapat pelbagai institusi yang berusaha berperanan untuk menyesuaikan pembangunan BM dengan dasar sosial pemerintah Singapura supaya jati diri Melayu Singapura tidak terpisah daripada identiti keSingapuraan yang direkayasa oleh pemerintah. Kertas kerja ini juga cuba memberi beberapa lakaran apakah tindakan yang dapat digerakkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura untuk membentuk generasi penutur BM yang aktif dan cekap serta kukuh jati diri.

Kata kunci

Menyemai Bahasa, Menuai Budi, Pembangunan, Jati Diri

PENGENALAN

Dalam usaha menelusuri apakah yang bakal dilakukan untuk menyempurnakan ucapan ini, saya ingin merakam penghargaan kepada beberapa orang yang telah saya baca tulisan mereka, untuk membolehkan saya mengungkapkannya di dalam ucapan ini. Saya terhutang budi kepada Dr. Kamsiah Abdullah, Dr. Roksana Bibi binti Abdullah, Dr. Hadijah Rahmat, Dr. Aishah Md. Kassim dan Dr. Azhar Ibrahim Alwee serta yang lain-lain. Sewaktu saya bersara pada 13 Disember 2011, saya telah menghibahkan sejumlah lebih 5,000 buku-buku saya ke Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Maka untuk membuat ucapan ini saya kehilangan sumber bacaan dan rujukan. Syukur alhamdulillah dengan adanya teknologi maklumat, saya mampu melayari dengan meng "google" tulisan beliau-beliau berkenaan.

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin merakam penghargaan kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura kerana sudi mengundang saya lagi ke Singapura. Beberapa tahun lalu saya diundang untuk Syarahan Arif Budiman, dan juga saya diundang untuk memberi kursus pada tahun sudah dan beberapa bulan lalu pada tahun ini. Terima kasih kepada Encik Mohamed Noh Daipi dan seluruh kakitangan beliau yang tidak jemu-jemu melayan saya.

MENYEMAI BAHASA MENUAI BUDI: MEMBENTUK GENERASI PENGGUNA BAHASA YANG AKTIF DAN CEKAP SERTA KUKUH JATI DIRI

Tajuk yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur bermula dengan satu metafora, menyemai bahasa menuai budi. Maka adalah wajar pada pendapat saya metafora tersebut perlu dileraikan terlebih dahulu. Metafora ini menggunakan dua kosa kata, iaitu semai dan tuai yang sering digunakan dalam masyarakat pertanian khasnya yang menanam padi.

Kosa kata semai membawa maksud menanam, menabur, menebar benih, khasnya padi sawah dan padi bukit manakala kosa kata tuai boleh bermaksud pisau pemotong padi; menuai padi pula bermaksud mengetam padi atau memotong padi atau musim panen. Maka menyemai bahasa bermaksud mencetus bibit-bibit bahasa dan kebahasaan, atau, boleh juga bermaksud memulakan menabur bahasa atau pelaburan bahasa. Juga boleh bermaksud memperluaskan fungsi bahasa ke pelbagai ranah penggunaan supaya mengukuhkan pembangunan sahsiah atau peribadi penutur bahasa Melayu. Di samping memperluaskan fungsi,

menyemai bahasa juga boleh bermaksud untuk mewujudkan rasa kesepunyaan dan kesepemilikan kepada bahasa berkenaan. Dengan rasa kesepunyaan dan kesepemilikan membolehkan pula wujudnya kesedaran untuk memajukannya. Kesedaran ini amat penting, ia ibarat obor, apabila ia padam atau kehilangan, yang disemai tidak mendatangkan hasil untuk dituai.

Maka kepada saya metafora menuai budi, yang lazimnya disebut menabur budi, bermaksud segala pulangan atau keuntungan budaya dan sosial yang bakal diperolehi, walau pun jarang terdengar ada pihak yang menuntut ganjaran setelah budi di tabur. Apakah barangkali keuntungan sosial dan budaya yang bakal diperolehi, darjat dan martabat bahasa itu amat penting, tetapi dapat mengekalkan kedudukannya juga sudah memadai. Di samping menuai dan menabur budi terdapat juga andaian yang memperkecil atau memperlekeh akan kemampuan bahasa Melayu. Maka begitulah lumrah kehidupan bagi sesiapa jua yang hidupnya berjuang untuk menyemai bahasa. Maka kepada para hadirin dan hadirat sekalianlah segala harapan diharapkan untuk bertindak sebagai penyemai bahasa yang tidak mengharap apa jua balasan atau ganjaran semasa menuai budi, walaupun ada ungkapan,

orang memberi kita merasa,
orang berbudi kita berbahasa...

Metafora yang diberikan oleh penganjur nampaknya terbalik, menyemai bahasa, menuai budi. Logika pantun dua kerat di atas memperlihatkan proses kesalingan dengan berbudi dahulu dan dibalas dengan bahasa. Barangkali pihak penganjur merasakan bahawa bahasa Melayu di sini adalah satu modal sosial dan budaya yang meruntun setiap jiwa untuk berusaha menyemainya supaya bahasa itu segar dan hidup lagi bernyawa, maka yang menyemai itu akan menikmati tuaian tautan jiwa yang amat dahsyat, lantaran bahasanya semarak mekar di bumi bernama Singapura. Tetapi setiap yang bernyawa perlu menyedari bahawa tidak semesti semasa menyemai benih padi akan mengharapkan hasil yang baik semasa menuai padi. Kadang kala musuh atau makhluk perosak padi banyak, seperti tikus, belalang, burung, banjir dan sebagainya yang boleh menyebabkan hasil berkurangan atau jika nasib tidak beruntung tidak ada hasil padi langsung.

Di dalam kita menuai budi, kadang kala yang dituai tidak semestinya kesantunan berbahasa atau kesopanan, atau berakhlak luhur, beradab dan beradat; kekhuatiran ialah yang bakal dituai ialah emas atau wang ringgit, seperti kata pantun Melayu,

Puas sudah kutanam ubi,
Nenas juga ditanam orang;
Puas sudah kutabur budi,
Emas juga dipandang orang.

atau

Kalau kentang menjadi gulai,
Ubi tidak berguna lagi;
Kalau wang jadi pemakai,
Budi tidak berguna lagi.

Emas dan wang amat diperlukan di dalam kehidupan, kata perbilangan Melayu;

Emas pendinding malu;
Kalau tak berwang, ke mana pergi terlepas peluang.

Tetapi seandainya diperluas semantik emas dan wang keduanya boleh meruntuh harkat dan martabat manusia dan bahasanya. Maka kebijaksanaan pengurusan kedua-dua sumber modal tersebut amat penting supaya harga diri dan bahasa kekal di samping berusaha menimbun kekayaan. Yang tidak bermoral dan berakhlak yang akan menggadai maruah bahasa dan budaya mereka. Barangkali juga benar kata pantun Melayu;

Semenjak langsung tidak berbuah
Keduduk tidak berbunga lagi
Semenjak dapat gading bertuah
Tanduk tidak berguna lagi.

SUMBANGAN SINGAPURA DALAM PEMBANGUNAN BAHASA MELAYU

Semenjak sebelum merdeka dan selepas Merdeka Singapura telah berusaha dengan bersungguh-sungguh secara aktif dalam pembangunan bahasa Melayu (BM). Namun seandainya ditelusuri sejarah, Singapura telah memainkan peranan aktif dalam pembangunan BM, lantaran terdapatnya penerbit dan pencetak buku, majalah dan surat khabar pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20. Singapura pada masa itu merupakan pusat kebudayaan Melayu moden. Filem-filem Melayu terbitan Shaw Brothers dan Cathay Keris merupakan media alternatif pada masa itu memajukan BM. Juga jangan dilupakan akan peranan yang terlalu

amat penting dan terbukti dari segi sejarah yang telah dilakukan oleh ASAS 50 membangun dan memajukan BM dari dahulu hingga kini. Pendiri ASAS 50 masih hidup lagi sebagai saksi hidup kepada peranan yang telah ASAS 50 lakukan dan lakukan. Kemudiannya BM telah diletakkan sebagai bahasa kebangsaan di dalam Akta Kemerdekaan Singapura (1965). Memetik dari Dr. Rokhana Bibi binti Abdullah (2010), bahawa pada 1959 PAP telah menjanjikan BM sebagai lingua franca Singapura. Namun kepada Dr. Rokhana alasan tersebut kerana pertimbangan bahawa kelangsungan Singapura dari segi politik dan ekonomi melalui penyatuan dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Apabila Singapura berpisah dari Malaysia pada 1965, sedikit sebanyak memberi kesan psikologi yang tidak bertanggung kata Haji Sidek Sanif, juga para cendekiawan Melayu yang terdiri daripada guru-guru Melayu mengambil masa lebih dari lima tahun lamanya untuk menerima hakikat perpisahan tersebut (Wan Husin Zohri, 1990, dipetik dari Kamsiah Abdullah, 1996). Mulai dari itu maka pembangunan BM di Singapura memulakan langkah yang berbeza berbanding dengan Persekutuan Malaysia khususnya dan Indonesia serta Brunei amnya.

RANAH PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DI SINGAPURA TELAH BERUBAH

Mulai dari saat itu BM Singapura berubah harkatnya sekadar untuk majlis formal sahaja dan bahasa Inggeris (BI) mengambil alih fungsi lingua franca dan bahasa utama di dalam pendidikan dan pekerjaan. Menurut Dr. Rokhana lagi, dengan peningkatan BI, BM di Singapura tidak mempunyai masa depan yang cerah. Malah terdapat tanggapan bahawa BM dilihat sebagai bahasa yang tidak memberi nilai ekonomi kepada Singapura. Seperti kata Kamsiah Abdullah pula masyarakat Melayu Singapura perlu bijak mengurus penyesuaian diri di dalam sebuah republik sekular tanpa menghapuskan identiti keMelayuan mereka. Proses penyesuaian meruntun dan menuntut kebijaksanaan, dan barangkali sudah terbukti berjaya semenjak kebelakangan ini, walaupun sekolah Melayu sudah tidak ada lagi di Singapura. Dalam sejarah telah terbukti Melayu memang bijak mengurus penyesuaian lantaran alam semula jadi kepulauan yang terbuka untuk menerima perubahan.

Syarahan ini tidak akan memaparkan apakah dasar-dasar awam Singapura yang berhubungan dengan pendidikan dan bahasa, malah syarahan ini tidak akan memperincikan perincian luas atau mendalam akan dasar-dasar tersebut, namun, memetik dari Dr. Rokhana (2009) akan kenyataan Perdana Menteri Singapura pada masa itu, menjelaskan seluruh maudhuk perancangan dan pelaksanaan bahasa dan pendidikan. Kenyataan Encik Lee Kuan Yew

berbunyi demikian,

"We must give our children roots in their own languages and cultures, and also widest common ground through second language..."

(Straits Times, 29 April 1971).

Menelusuri ucapan tersebut dan cuba memahami dasar dan pelaksanaan bahasa, Singapura mengamalkan kepelbagaian bahasa atau multilingualisme pragmatik. Sistem pendidikan Singapura meletakkan BI sebagai bahasa pertama dan diwajibkan kepada semua pelajar iaitu sebagai bahasa pengantar untuk semua mata pelajaran di semua peringkat atau aliran persekolahan. Namun terdapat juga dasar bahasa ibunda yang mewajibkan BM untuk murid-murid Melayu, Mandarin untuk murid-murid Cina dan Tamil untuk murid-murid India. Maka wajarlah kenyataan awal di atas bahawa dasar berkenaan telah mengubah lingua franca warganegara Singapura kepada BI, dan BI merupakan jambatan menuju arah kejayaan kehidupan. Barangkali semua bahasa ibunda khususnya BM akan menjadi bahasa minoriti yang semakin dipinggirkan oleh masyarakatnya sendiri (Dr. Roksana, 2010).

Ranah penggunaan BM juga telah berubah, kini barangkali di peringkat bahasa komunikasi yang dituturkan sebagai bahasa keluarga di rumah bagi sekelompok keluarga. Tidak juga BM menjadi bahasa utama dalam ranah keagamaan lantaran terdapatnya pilihan untuk memperolehi ilmu agama dalam BM atau BI atau juga bahasa Arab.

Apabila saya menelusuri sumber rujukan di alam maya, saya menemui satu bahan yang bertajuk Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, Sekolah Menengah 2011 terbitan Kementerian Pendidikan Singapura. Falsafah Pendidikannya mempunyai dua tujuan iaitu, membina sikap pelajar dan menyediakannya menjadi warganegara yang baik serta bersedia untuk ke alam pekerjaan. Di tempat lain saya pernah mengungkapkan bahawa pendidikan berperanan untuk memanusiakkan manusia dengan cara memandaikan dan mencerdaskan serta membijaksakan mereka dengan ilmu dan keterampilan. Manakala di bahagian Pendahuluan Sukatan pula diungkapkan bahawa BM sebagai bahasa ibunda berperanan membolehkan kesinambungan penggunaan bahasa untuk membina dan mengekalkan jati diri masyarakat Melayu Singapura, walaupun terdapat pemerihalan terhadap kekhawatiran hilangnya BM sebagai lingua franca di peringkat atau ranah kekeluargaan dan persanakan. Persoalan jati diri ini amat penting, kerana salah satu tanda dan penanda kepada jati diri seseorang ialah bahasanya. Benar kata pujangga Melayu dahulu bahawa bahasa jiwa bangsa,

bahasa menunjukkan bangsa.

Saya juga amat tertarik dengan tanggapan Kamsiah Abdullah (1996), bahawa tugas untuk menyalurkan nilai atau orientasi nilai sesuatu masyarakat diserahkan kepada bahasa ibunda, iaitu BM, sebagai kunci untuk membuka khazanah budaya Melayu dan nilai ketimuran, apatah lagi untuk menelaah seluruh ufuk pandangan dunia dan pandangan hidup Melayu, di samping memahami sosok adat istiadat dan adat resam, seni budaya, memahami semangat zaman tentang keagungan tamadun Melayu dan lain-lain aspek yang terkandung di dalamnya. Barangkali pendapat Kamsiah itu berasaskan kepada pendapat-pendapat terdahulu yang telah diungkapkan oleh para pemimpin Singapura. Kepada saya, disebalik segala perolehan pemahaman terhadap sejarah kebudayaan dan ketamadunan Melayu, ianya juga wajar dilengkapi dengan pemahaman tentang orientasi nilai yang berpaksi keMelayuan dan kelslaman, juga turut digandingkan dengan nilai-nilai kemodenan yang sesuai dan yang amat penting nilai-nilai yang direkayasa sebagai nilai dan identiti keSingapuraan. Seperti yang diungkapkan oleh Dr. Kamsiah, identiti keSingapuraan dapat dimantapkan tanpa meleburkan ciri-ciri akar jati diri Melayu Singapura.

VISI ARIF BUDIMAN DALAM SUKATAN PELAJARAN BAHASA MELAYU SINGAPURA

Sukatan Pelajaran BM 2011 telah menggariskan satu visi yang cukup menarik, iaitu Arif Budiman yang telah dicetuskan oleh Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Singapura pada 2005. Hadijah Rahmat (2008) telah memberi latar bagaimana teretusnya gagasan dan wawasan berkenaan, lantaran masyarakat Melayu Singapura memerlukan satu wawasan budaya yang kukuh yang dapat mengisi dan menghadapi kehidupan masa depan yang lebih mencabar, supaya dapat mengatasi segala kekeliruan dan pengherotan nilai serta pentafsiran intipati budaya melalui wawasan Arif Budiman. Maka oleh kerana itu Kementerian Pendidikan Singapura menubuhkan satu Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi BM pada Disember 2004. Pemerintah Singapura secara rasmi menerima semakan tersebut yang disebut sebagai Visi Arif Budiman.

Kepada Hadijah, satu pensejajaran budaya dan perekayasaan budaya perlu dilakukan supaya mampu meningkatkan mutu bahasa dan budaya Melayu ke tahap perkasa dalam konteks masyarakat Singapura yang majmuk dan dunia global yang dinamik. Ianya satu gagasan dan wawasan menyemai dan membangun manusia Melayu baru (Azhar Ibrahim Alwee, 2011). Pelaksanaan

gagasan, wawasan, konsep, idea atau tindakan ini dilakukan melalui pendekatan pendidikan yang terdapat unsur-unsur progresif untuk keperluan Melayu Singapura mencipta insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat. Gagasan dan wawasan ini perlu dipuji dan pihak yang terlibat merangka dan merekayasa Arif Budiman ini berperanan sebagai negarawan yang mementingkan nasib dan masa depan generasi Melayu Singapura akan datang. Azhar Ibrahim Alwee telah mengupas dengan mendalam gagasan ini. Di sebalik gagasan ini merekonstruksi manusianya, iaitu Melayu Singapura yang baru, yang berilmu pengetahuan dan berbakti kepada masyarakatnya, tetapi yang lebih penting ialah untuk memastikan kelangsungan BM itu sendiri terus relevan di Singapura dalam menempuh arus globalisasi.

Saya sebenar lebih tertarik dengan lampiran yang telah disediakan oleh Sukatan Pelajaran BM itu lampiran peribahasa yang tersenarai dan terpilih yang disesuaikan dengan keperluan gagasan dan wawasan Arif Budiman. Saya merenung kenapa peribahasa, kenapa tidak aspek tatabahasa sahaja seperti lampiran yang awal. Saya teringat kepada pendekatan yang dilakukan oleh Zainal Abidin bin Ahmad atau lebih terkenal dengan nama Za'ba, yang telah menghasilkan Pelita Bahasa Melayu sebanyak tiga jilid pada 1934 dan Ilmu Mengarang Melayu pada 1940. Kedua-dua buku ini memuatkan petikan sumber-sumber warisan dari persuratan Melayu seperti cerita rakyat, cerita penglipur lara, pantun, syair, gurindam, pepatah petitih, perbilangan, peribahasa dan simpulan bahasa, termasuk juga petikan terjemahan dari sastera Arab dan Inggeris. Lalu kepada saya pendekatan Za'ba lebih kreatif menampilkan unsur warisan dan sejarah dalam pembelajaran ilmu BM. Suatu pendekatan yang 'basah' yang berseni, yang indah, tidak kaku serta tidak membosankan dan tidak teramat teknikal seperti sesetengah buku. Za'ba telah mengguna seluruh lahan warisan di dalam pembelajaran BM itu untuk membolehkan para pelajar dan penutur asli menikmati dan memperolehi ilmu yang lebih luas lagi. Pujangga Raja Ali Haji yang mengarang Kitab Pengetahuan Bahasa Melayu dan Bustan al-Katibin menghubungkan kait ilmu bahasa dan kosa-kata Melayu dengan aspek ketuhanan dan keagamaan pula.

Justeru itu apa pentingnya peribahasa dalam lampiran berkenaan? Nilai-nilai Melayu yang diperolehi dari makna peribahasa berkenaan yang dipentingkan. Peribahasa, perumpamaan, pepatah-petitih, perbilangan dan pantun serta syair dan gurindam adalah korpus falsafah sosial Melayu yang dijadikan oleh orang Melayu sebagai panduan kehidupan. Walau pun diketahui terdapat ribuan peribahasa Melayu yang terdokumentasi, namun yang dipelajari itu yang akan terus meresap ke dalam lubuk akal murid-murid, terungkap di dalam gedung

bicara, terhasil sebagai insan yang memiliki lautan budi, yang sentiasa berusaha secara berterusan menyongsong alam terkembang jadikan guru, bukan semata-mata untuk dirinya tetapi untuk masyarakat Melayu Singapura.

PANTUN SEBAGAI SARANA KEMELAYUAN

Saya ingin mencadangkan supaya pantun Melayu ditempatkan di sukatan pelajaran kerana pantun sering disebut sebagai sarana kemelayuan. Pantun Melayu amat meluas penggunaannya di dalam persuratan dan kesenian Melayu. Pantun digunakan dalam persembahan boria, dikir barat, dondang sayang, dilagukan dalam lagu Melayu Asli dan langgam, ghazal dan sebagainya.

Singapura sendiri mempunyai tradisi pantun yang amat penting lagi amat menarik, di samping tradisi pantun memantun Melayu, terdapat juga tradisi pantun memantun Baba Nyonya Singapura. Sulalat al-Salatin atau Sejarah Melayu telah merakam dua pantun Melayu di zaman awal Singapura, yang juga amat menarik iaitu;

Carik baju raja
Dilompati todak
Bukan disahaja
Sebab akal budak,
(seperti dalam peristiwa Singapura dilanggar todak)

Telur itik dari Singgora
Pandan terletak dilangkahi
Darah titik di Singapura
Badannya terlantar di Langkawi
(peristiwa pembunuhan Tun Jana Khatib)

Djamal Tukimin (2011, 2009) telah menghimpun dan mendokumentasi serta mengkaji pemikiran yang terkandung di dalam pantun-pantun Melayu Singapura. Sudah barang tentu pantun-pantun tersebut mengungkapkan seluruh sosok akal fikir dan akal budi Melayu Singapura yang tidak ditelan zaman. Dalam hal ini, teringat saya akan lagu serta pantun Tanjung Katong yang kalau tidak silap saya digubah oleh Seniman agung Singapura Zubir Said (Almarhum) dan didendangkan oleh Seniwati agung Singapura Kartina Dahari (Almarhumah).

Tanjung Katong airnya biru,
Tempat orang bermandi manda;
Sedangkan sekampung lagikan rindu,
Inikan pula jauh di mata.

Pantun ini adalah pantun cinta-kasih-sayang-rindu yang memang sebatian dengan jiwa Melayu. Bukan sekadar mengungkapkan keindahan pantai dan lautnya, tetapi juga gejolak lahir batin yang tidak terperiinya. Ia bukan pantun yang pesona nafsu-nafsi tetapi pengikat hati dan jiwa seorang perantau yang cinta-kasih-sayang-rindu kepada hakikat jati dirinya.

Begitu juga pantun Baba-Nyonya Singapura telah banyak diterbitkan di Singapura semenjak 1889 (Ding Choo Ming, 2002), malah terdapat satu persatuan yang dikenali sebagai Gunung Sayang Association yang ditubuhkan pada 1910 di Geylang yang dianggotai oleh para pemantun Baba Nyonya Singapura. Pantun Baba Nyonya juga amat terkenal di Melaka dan Pulau Pinang. Melalui pantun dapat dikenali hakikat jati diri mereka yang bernuansa keMelayuan.

Akar menyular bergulung-gulung,
Rumput turki di tengah hutan;
Minta umur setinggi gunung,
Minta rezeki sekaya lautan.

BENTENG HADAPAN PEMBANGUNAN BAHASA MELAYU DI SINGAPURA

Dalam usaha untuk menuai budi daripada kerja-kerja semaian bahasa, daripada pembacaan saya yang amat terbatas, dapat dikesani bahawa terdapatnya semangat dan kesedaran yang tinggi terhadap kelangsungan BM di Singapura. Setelah menyemak berulang-ulang setiap halaman tulisan teman-teman yang disebutkan di atas terpapar bahawa proses penyemaian bahasa telah lama dilakukan oleh setiap individu dan kelompok yang peka dan prihatin terhadap kelangsungan bahasa dan budaya Melayu. Pusat BM ini adalah kemuncak kepada pelestarian bahasa dan budaya Melayu yang selama ini telah disemai oleh para pejuang terdahulu, melengkapi peranan institusi lain yang mempunyai matlamat yang sama yang terdapat di Singapura. Barangkali kesemua institusi berkenaan berusaha untuk bertunjang ke akar umbi di samping berusaha untuk menggapai langit atau seperti yang diungkapkan oleh Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Kebudayaan Melayu III, Singapura pada 2006, dengan tema ‘memeluk akar, menyuluh ke langit’.

Seluruh usaha menyemai bahasa dan menuai budi tidak akan berjaya tanpa peranan semua pertubuhan Melayu atau institusi berkepentingan Melayu. Saya difahamkan bahawa badan atau pertubuhan peneraju BM di Singapura ialah Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), yang ditubuhkan pada 1983. Aktiviti utama MBMS ialah Bulan Bahasa Melayu dan Anugerah Persuratan Melayu. Pertubuhan ini berperanan memartabatkan BM bersama-sama ASAS 50, Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura, Persatuan Guru-Guru Bahasa Melayu Singapura, Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu Singapura, dan Persatuan Penyanyi dan Karyawan Muzik Melayu Singapura. Kesemua pertubuhan ini pada pendapat saya adalah benteng hadapan pembangunan BM di Singapura, yang turut dilengkapi akan peranan Berita Harian/Berita Minggu, serta radio FM seperti Warna dan Ria, dan juga saluran televisyen swasta seperti Suria dan Sensasi.

Seluruh prasarana atau infrastruktur sudah hampir lengkap untuk bergandingan tangan secara proaktif memajukan BM walaupun masyarakat Melayu merupakan masyarakat minoriti. Jangan lupa sebutan baku adalah satu kejayaan besar pembangunan BM di Singapura berbanding Malaysia. Sebagai para pejuang BM segala cabaran perlu dihadapi.

Dr. Roksana telah menyenaraikan sejumlah tindakan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Singapura untuk melestarikan BM. Di antara tindakan yang diambil ialah mempertingkatkan komponen BM lisan; menggalak minat terhadap pembacaan dalam BM; menggalak penggunaan bahasa dalam aktiviti sastera dan budaya; mengembangkan sumber-sumber bacaan dari peringkat tadika hingga ke peringkat universiti; dan, memperkaya pengalaman para pelajar melalui lawatan sambil belajar. Lawatan sambil belajar ini wajar dipertingkatkan melalui acara inap desa (homestay) di negara-negara yang bahasa kebangsaannya BM mahupun bahasa Indonesia atau BM Brunei Darussalam.

Dari pengalaman saya yang pernah mengurus acara inap desa untuk para pelajar dari Beijing Foreign Studies University (BFSU) di Malaysia, para pelajarnya mampu mempertingkatkan penguasaan BM mereka apabila mereka berinap desa selama satu bulan. Saya berkeyakinan seandainya para pelajar Singapura berinap desa, mereka bukan sahaja mempertingkatkan daya kelisanan mereka malah dapat menghayati kesantunan berbahasa, memperluas dan memperhalus ufuk orientasi nilai dan falsafah hidup mereka.

PERTINGKAT KADAR PEMBACAAN KESUSTERAAN MELAYU SINGAPURA

Saya juga bersetuju dengan cadangan mempertingkatkan kadar pembacaan khasnya pembacaan kesusasteraan Melayu Singapura. Apabila dibaca laporan Simposium Bahasa dan Budaya: Menjana Jati Diri Melayu Singapura yang diadakan pada 5 Oktober 2013, saya bersetuju dengan tanggapan Isa Kamari bahawa masyarakat Melayu Singapura perlu menulis sejarah mereka sendiri melalui karya kreatif mereka. Tokoh-tokoh sasterawan Singapura amat cemerlang seperti Muhammad Ariff Ahmad, Masuri SN, Suratman Markasan, Abdul Ghani Hamid, Mohamed Latiff Mohamed, Djamal Tukimin, Hadijah Rahmat, Noor Hasnah Adam dan ramai lagi yang sebahagian besar terus aktif berkreativiti. Semua seniman dan sasterawan tersebut telah berusaha menyemai bahasa dan mengharap budi dituai. Tindakan proaktif perlu dilakukan untuk mengetengahkan hasil kreatif sastera ini kepada khalayak masyarakat Melayu khasnya kelompok kelas menengah Melayu Singapura.

Malah melalui hasil karya mereka dapat dituai juga seluruh akal budi dan hati budi Melayu Singapura. Walau pun terdapat nada protes mahu pun rintihan kekecewaan, tetapi seluruh nuansa para sasterawan dan seniman Melayu Singapura mengungkapkan hati nurani kejati-dirian keMelayuan dan keSingapuraan. Melalui karya-karya tersebut mereka mengungkapkan semangat zaman mereka, yang dipelajari dari masa lalu, yang dibawa ke masa kini. Semangat zaman masa lalu adalah satu kesinambungan yang penting sebagai landasan kukuh untuk mencipta warisan peradaban dan ketamadunan masa kini.

Sewaktu menonton konsert Ramli Sarip dan Sweet Charity, M.Nasir dan juga Kumpulan Pop Yeh Yeh di Singapura melalui saluran televisyen Malaysia, saya dapat merasakan sumbangan mereka kepada pembangunan BM. Barangkali melalui konsert seperti itu, khasnya ranah seni dan segala ranah BM lain perlu diketengahkan untuk menarik minat golongan kelas menengah Melayu terhadap BM.

HARAPAN - TUAIAN BUDI DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Di dalam kesempatan ini, adalah diakui bahawa jumlah penutur asli BM di Singapura adalah kecil. Aishah Md. Kassim (2008) menyatakan ada kemungkinan BM akan menjadi bahasa asing di Singapura lantaran BM tidak merupakan lingua franca di samping para penutur jati Melayu lebih selesa berbahasa Inggeris atau memilih menutur BI. Adalah diharapkan apa yang diperkatakan itu tidak benar. Jika kenyataan itu benar maka darjat BM telah merosot. Namun saya melihat

dari sudut lain pula, bahawa seluruh pertubuhan Melayu boleh berganding tangan memartabatkan BM sebagai bahasa antarabangsa di seantero dunia. Renungkanlah bagaimana Pusat BM ini pada suatu masa kelak diktiraf sebagai salah satu Pusat BM Antarabangsa di dunia yang mengeluarkan sijil, diploma dan ijazah. Walaupun tuaian budi tidak seberapa di tanah air sendiri namun tuaian yang besar boleh diperolehi di peringkat antarabangsa. Kerjasama boleh dilakukan dengan institusi di Malaysia seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan BM di Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya dan juga Institut Pendidikan Guru Kampus BM Kuala Lumpur. Saya kira segala kepakaran sudah ada, ditambah pula barangkali sudah ada kepakaran teknologi maklumat dan komunikasi yang boleh membantu perkembangan BM sebagai bahasa antarabangsa yang boleh dilakukan secara talian. Seluruh justifikasi ekonomi dan politik dapat dijelaskan bahawa BM akan menjadi salah satu bahasa Asean lantaran ekonomi Asean semakin dinamik berkembang di Asia Pasifik. Pada tahun 2015, akan diwujudkan Asean Economic Community, maka ada ruang untuk BM berkembang. Di China sendiri terdapat enam pusat pembelajaran BM, yang dapat dijadikan penanda bahawa ada minat yang besar terhadap BM rantau ini.

Terdapat lebih dari seratus pusat pengajian Melayu di dunia, maka keperluan untuk BM amat menggalakkan. Barangkali boleh diyakinkan pihak tertentu bahawa BM boleh 'didagangkan' untuk memberi pulangan ekonomi. BM boleh direkayasa sebagai salah satu lingua franca antarabangsa, atau bahasa supranasional seperti kata Dr. Awang Sariyan beberapa tahun lalu, yang kemudian diungkapkan oleh Dato' Seri Najib Razak, Perdana Menteri Malaysia semasa majlis Pertandingan Pidato BM Antarabangsa. Saya amat berkeyakinan ia boleh dilakukan.

SUMBER KEPUSTAKAAN

- Aishah Md. Kassim (2008). Malay Language As A Foreign Language And The Singapore's Education System, *GEMA Online Journal of Language Studies*, Volume 8(1).
- Azhar Ibrahim Alwee (2011). Arif Budiman Dalam Pendidikan Bahasa Melayu di Di Singapura: Merungkai Konsep dan Pengertian Sosialnya, *ATIKAN*, 1 (2).
- Djamal Tukimin (2009). Pendokumentasian Pantun Di Singapura. Laporan penyelidikan sebagai Karyawan Tamu di Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM, Bangi.
- Djamal Tukimin (2011). Pantun Dalam Sejarah Perkembangan Pemikiran Melayu Di Singapura Moden, *Kajian dan Himpunan*, ATMA, UKM, Bangi.
- Ding Choo Ming (2010). "The Mighty Pantun River and Its Tributaries", *Wacana*, Vol. 12, 1 April, Faculty of Humanities, University of Indonesia.
- Hadijah Rahmat (2008). *Membina Minda dan Budaya Melayu Baru Melalui Perekayasaan*

Pendidikan Bangsa, Jurnal e-Utama, Jilid 1.

- Kamsiah Abdullah (1996). Pemupukan Nilai-Nilai Melayu Dalam Pendidikan Dwibahasa, kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Beijing China, 26-24 Mei 1996.
- Kamsiah Abdullah (2010). Integrasi Melayu Minoriti Dengan Cina Majoriti di Singapura: Satu Kajian Rintis Dalam Domain Peribadi, Keluarga, Pekerjaan, Sosial dan Politik. Kertas kerja Persidangan Antarabangsa, Minoriti dan Majoriti: Bahasa, Budaya dan Identiti, Kuching, 23-24 November 2010.
- Roksana Bibi binti Abdullah (2010). Masyarakat Melayu Sebagai Golongan Minoriti di Singapura: Impaknya Terhadap Bahasa, Persidangan Antarabangsa Minoriti dan Majoriti: Bahasa, Budaya dan Identiti, 23-24 November 2010, anjuran Persatuan Bahasa Moden Malaysia dan Pusat Kajian Bahasa, UNIMAS.
- Roksana Bibi binti Abdullah (2009). Fitur-Fitur Bahasa Melayu di Singapura, Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Dunia, 28-30 September 2009, Johor Bahru, anjuran Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya; Fakulti Bahasa, UPSI; Yayasan Johor dan DBP.